

SISTEM PERANCANGAN KEWANGAN ISLAM : SPEKIS

MOHD JOHARI BIN MOHD MOHYIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

SISTEM PERANCANGAN KEWANGAN ISLAM : SPEKIS

MOHD JOHARI BIN MOHD MOHYIN

**Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Keusahawanan IT**

**FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN SISTEM MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

MEI 2006

Teristimewa untuk Abah dan Bonda yang tercinta,
Yang banyak berkorban dan mendoakan kejayaan anakmu ini
serta

Along, adik-adikku serta sahabat-sahabat dan rakan-rakan seperjuanganku
Yang memahami perjalanan kehidupan ini
Terimakasih atas sokongan kalian

Doa, jasa dan pengorbanan kalian akan ku kenang selamanya
Semoga Allah memberikan kebahagiaan dan meredhai hidup kita semua, amin.

PENGHARGAAN



Al-hamdulillah segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad S.A.W, sahabat-sahabat Nabi, serta kekasih-kekasih Allah dan kepada seluruh umat Islam sekaliannya. Syukur kehadiran Allah S.W.T. dengan taufik dan hidayahNya serta kurnia dan limpah rahmatNya dapatlah projek ini disiapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terimakasih ditujukan kepada Prof. Dr. Safaai Deris di atas segala tunjuk ajar, bantuan, pandangan, nasihat dan dorongan dalam memantapkan projek ini.

Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada pihak MARA dan UTM (FSKSM, BIP, FPPSM & SPS), atas nasihat dan bantuan diberikan. Tidak ketinggalan diucapkan jutaan terima kasih kepada keluarga tercinta dan rakan-rakan seperjuangan SKIT serta sesiapa sahaja yang terlibat dalam penyediaan tugas ini.

Akhir sekali penulis sentiasa bermohon dengan penuh harapan dan keyakinan kepada Allah S.W.T. agar menerima usaha yang sedikit ini sebagai salah satu dari amal-amal soleh untuk mendapat redha dan maksud semata-mata kepadaNYA pemilik mutlak sekalian alam ini. Amin ya Rabbal 'Alamin.

ABSTRAK

Sistem Perancangan Kewangan Islam atau SPEKIS merupakan satu alternatif bagi pengguna sistem yang berasaskan web. Tujuan utama sistem ini dibangunkan ialah untuk menyediakan satu platform aktiviti perundingan perancangan kewangan Islam berpandukan prosedur yang telah ditetapkan untuk kegunaan para perunding dan individu yang berminat. Pada masa ini, kebanyakan aktiviti perundingan kewangan terhad kepada bentuk manual sahaja. Menerusi sistem ini, para perunding kewangan dapat meningkatkan lagi perkhidmatan mereka secara langsung menerusi internet dengan kos perkhidmatan yang berpatutan. Dalam masa yang sama sistem dapat membantu pengurusan data pelanggan dengan lebih efektif dan menghasilkan keputusan laporan yang menyeluruh. Sistem ini dibangunkan dengan menggunakan model pembangunan Unified Modelling Language (UML) di samping penggunaan teknologi Pretext Hyper Processor (PHP) dan pangkalan data MySQL. Antara perisian yang digunakan ialah Windows XP, Macromedia Dreamweaver MX dan Adobe Photoshop 7.0. Melalui aplikasi sistem ini, aktiviti perundingan kewangan khususnya berkonsep syariah akan menjadi lebih efisien.

ABSTRACT

Islamic Financial Planning System (SPEKIS) is an alternative for those who used web-based system. The main objective of the system is to built the activity platform for Islamic Financial Planning base on prosedure which has been decided for used by financial consultant and interested individual. For this moment, many financial consultant activities are only in manual which is not computerized. By using this system all financial consultant can increase their service support through the internet with affordable price. At the same time, this system also helps in handling client database with more effective which can generate full report. The system was developed through development model *Unified Modelling Language (UML)* and the use of *Pretext Hyper Processor (PHP)* and MySQL database. Among the softwares used in developing the project are Microsoft Dreamweaver MX and Adobe Photoshop 7.0. Through this system applications, financial consultant activity, especially syariah based could be done efficiently.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKASURAT
	HALAMAN JUDUL	ii
	HALAMAN PENGAKUAN	iii
	HALAMAN DEDIKASI	iv
	HALAMAN PENGHARGAAN	v
	ASTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xiv
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvii
1	Pengenalan	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Penyata Masalah	5
	1.4 Matlamat Projek	5
	1.5 Objektif Projek	6
	1.6 Skop Projek	6
	1.7 Hasil	7
	1.8 Kekangan Projek	8
	1.9 Kepentingan Projek	8
	1.10 Ringkasan	10

2

KAJIAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	11
2.2	Sejarah Perancangan Kewangan Malaysia	11
2.3	Perkembangan Perancangan Kewangan Islam	12
2.4	Proses Menentukan Perancangan Kewangan (Bank Negara)	14
	2.4.1 Menentukan Matlamat Kewangan	14
	2.4.2 Menjejaki Wang Yang Telah Digunakan	16
	2.4.3 Menilai Cara Berbelanja	17
	2.4.4 Menulis Rancangan Perbelanjaan Peribadi	18
2.5	Elemen dalam Perancangan Kewangan Islam	19
	2.5.1 Pengurusan Risiko dan Perlindungan Takaful	19
	2.5.1.1 Tiga Prinsip Takaful	19
	2.5.2 Pelaburan Berkonsep Syariah	21
	2.5.3 Penyucian Harta (Zakat) dan Sedekah	22
	2.5.4 Pengurusan Harta Pusaka (Hibah, Wakaf, Akaun Amanah dan Surat Wasiat)	22
	2.5.5 Persaraan dan Tabungan	24
	2.5.6 Pengurusan dan Penghapusan Hutang	25
2.6	Alat Perancangan Kewangan	26
	2.6.1 Buku Wang Saku	26
	2.6.2 Buku Perancangan dan Penyata Kewangan Keluarga	26
	2.6.3 Kalkulator Kewangan	27
2.7	Kajian Produk Perisian-perisian Sedia ada dan Laman Web	27
	2.7.1 Microsoft Money 2004	27
	2.7.2 MAAKL Unit Trust	28
	2.7.3 Takaful Sistem	29
	2.7.4 DinkyTown .net	30
	2.7.5 Personal Finance Software	31
	2.7.6 CitiPro Citibank	32
	2.7.7 Laman-laman Web Bank Tempatan	32
2.8	Ringkasan	33

3	METODOLOGI PEMBANGUNAN SISTEM	
3.1	Pengenalan	34
3.2	Rangka Kerja Operasi	35
3.3	Metodologi dan Pendekatan Pilihan : Metodologi Rational Unified Process (RUP)	36
3.4	Justifikasi Pemilihan Metodologi	37
3.5	Fasa-fasa Metodologi Rational Unified Process (RUP)	37
3.5.1	Fasa Permulaan	38
3.5.2	Fasa Penghuraian	39
3.5.3	Fasa Pembinaan	39
3.5.4	Fasa Peralihan	40
3.6	Pemilihan Model Pembangunan: <i>Unified Modelling Language (UML)</i>	40
3.6.1	Konsep UML	43
3.6.2	Rajah-rajab UML	43
3.7	Rekabentuk Senibina	44
3.8	Keperluan Perkakasan	46
3.9	Keperluan Perisian	47
3.9.1	Windows XP Profesional	47
3.9.2	Pangkalan Data MySQL	47
3.9.3	JavaScript	48
3.9.4	Bahasa Pengaturcaraan Web PHP	48
3.9.5	Internet Explorer	49
3.9.6	Macromedia Dreamweaver MX	50
3.9.7	Adobe Photoshop 7	51
3.10	Ringkasan	51
4	REKA BENTUK DAN PELAKSANAAN SISTEM	
4.1	Pengenalan	52
4.2	Reka Bentuk Seni Bina	52
4.3	Komponen Senibina	53

4.3.1	Permodelan Use Case	53
4.3.1.1	Keterangan Aktor Perunding Kewangan	54
4.3.2	Keterangan Use Case	55
4.3.3	Rajah Kelas	55
4.3.4	Reka Bentuk Rajah Jujukan	56
4.3.5	Rajah Aktiviti	56
4.4	Pembangunan Pangkalan Data	57
4.5	Senibina Sistem	57
4.6	Pelaksanaan Sistem	58
4.6.1	Pendaftaran Maklumat Pelanggan	60
4.6.2	Penetapan Matlamat Kewangan	61
4.6.3	Penentuan Tahap Risiko Pelanggan	62
4.6.4	Perancangan Perlindungan / Takafil	62
4.6.5	Perancangan Persaraan / Usia Emas	63
4.6.6	Perancangan Simpanan Dan Pelaburan	64
4.6.7	Perancangan Pendidikan Anak	65
4.6.8	Proses Menjana Laporan	66
4.7	Ringkasan	68

5 RANCANGAN PERNIAGAAN

5.1	Ringkasan Eksekutif	69
5.2	Pengenalan Syarikat	70
5.2.1	Latarbelakang Syarikat	70
5.2.2	Maklumat Syarikat	71
5.2.3	Pemegang Syer	72
5.2.4	Ahli Lembaga Pengarah	72
5.2.5	Pengurusan Syarikat	73
5.2.6	Pengalaman Pasukan Pengurusan	74
5.2.7	Senarai Perkhidmatan	76
5.3	Produk	76
5.4	Komponen SPEKIS	78
5.4.1	Pendaftaran Maklumat Pelanggan	79

5.4.2	Penetapan Matlamat Kewangan	79
5.4.3	Penentuan Tahap Risiko Pelanggan	79
5.4.4	Perancangan Perlindungan / Takaful	79
5.4.5	Perancangan Persaraan / Usia Emas	81
5.4.6	Perancangan Simpanan Dan Pelaburan	82
5.4.7	Perancangan Pendidikan Anak	83
5.4.8	Proses Menjana Laporan	84
5.5	Perbandingan SPEKIS Dengan Produk Lain	85
5.6	Status Pembangunan	86
5.7	Peningkatan Produk Di Masa Depan	86
5.8	Analisa Industri Kewangan Islam Di Malaysia	87
5.8.1	Perkembangan Industri Kewangan Islam Di Malaysia	87
5.8.2	Peningkatan Produk Kewangan Islam dalam Industri Kewangan Di Malaysia	88
5.9	Analisa Pasaran	89
5.9.1	Segmentasi Pasaran	89
5.9.2	Peningkatan Kadar Jenayah	90
5.9.3	Haluan / Trend Pasaran	93
5.9.4	Kumpulan Sasaran Pengguna SPEKIS	94
5.10	Pesaing	95
5.10.1	Analisa Produk Pesaing	95
5.11	Pelan Pemasaran dan Strategi Jualan	96
5.11.1	Strategi Pemasaran	96
5.12	Peluang dan Risiko	100
5.12.1	Analisa SWOT	100
5.13	Rancangan Kewangan	101
5.14	Ringkasan	108

6 KESIMPULAN

6.1	Pendahuluan	109
6.2	Kelebihan Dan Kekangan	110
6.2.1	Kelebihan	110

6.2.2	Kekangan	111
6.3	Cabaran Dan Halangan	111
6.4	Aspirasi	112
6.5	Kesimpulan	112
RUJUKAN		114

SENARAI JADUAL

NO.	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Populasi Berdasarkan Agama (% Analisis) : 1990/1995/2000-2004.	14
2.2	Unjuran Keadaan 100 Pemuda Yang Kini Berumur 25 Tahun Apabila Mereka Mencapai 60 Tahun.	25
3.1	Penerangan pandangan/rajab dan notasi	42
3.2	Keperluan Minima perkakasan pelayan	46
3.3	Keperluan Minima perkakasan pelanggan	46
4.1	Keterangan Use Case	55
5.1	Senarai Kakitangan Pengurusan dan Pengalaman	74
5.2	Analisa Persaingan Umum	85
5.3	Peningkatan Produk Kewangan Islam	89
5.4	Populasi Berdasarkan Agama (% Analisis) : 1990/1995/2000-2004.	90
5.5	Perangkaan Jenayah bagi tahun 1997 – 2003	91
5.6	Perangkaan Jenayah bagi tahun 1997 – 2003 (Kes Selesai)	92
5.7	Analisa Persaingan Produk	95
5.8	Jadual Imbangan Duga	103
5.9	Jadual Unjuran Penyata Untung Rugi Untuk 5 Tahun	104
5.10	Jadual Unjuran Aliran Tunai Untuk 5 Tahun	106

SENARAI RAJAH

NO.RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Antaramuka Microsoft Money 2004	27
2.2	Antaramuka MAAKL Mutual Planner Sistem	28
2.3	Antaramuka Takaful Nasional TN Illustration 1.5	29
2.4	Antaramuka web DinkyTown.net	30
2.5	Antaramuka web myBusinesskit.com	31
2.6	Antaramuka web maybank2U.com.my	32
3.1	Rangka Kerja Operasi	35
3.2	Fasa-fasa di dalam Unified Process	38
3.3	Jenis-jenis Pandangan Dalam UML	41
4.1	Use Case Bagi Keseluruhan Sistem	53
4.2	Senibina SPEKIS	57
4.3	Antaramuka SPEKIS	60
4.4	Profil Pelanggan	61
4.5	Perancangan Perlindungan	63
4.6	Perancangan Persaraan / Usia Emas	64
4.7	Perancangan Simpanan Dan Perlaburan	65
4.8	Perancangan Pendidikan	66
4.9	Laporan	67
5.1	Senarai Kakitangan Pengurusan	73
5.2	Antaramuka SPEKIS	77
5.3	Antaramuka SPEKIS : Profil Pelanggan	78
5.4	Antaramuka SPEKIS : Perancangan Perlindungan	80
5.5	Antaramuka SPEKIS : Perancangan Persaraan / Usia Emas	81
5.6	Antaramuka SPEKIS : Perancangan Simpanan Dan Perlaburan	82

5.7	Antaramuka SPEKIS : Perancangan Pendidikan	83
5.8	Antaramuka SPEKIS : Laporan	84
5.9	Ramalan Sasaran Jualan Untuk 5 Tahun	101
5.10	Ramalan Sasaran Untung / (Rugi) Untuk 5 Tahun	102
5.11	Titik Pulang Modal	102

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Carta Gantt Projek 1 dan 2.	117 - 118
B	Penerangan Use Case	119 - 126
C	Rajah Kelas	127 - 128
D	Rajah Jujukan Sistem	129 - 136
E	Domain Model	137 - 138
F	Rajah Aktiviti	139 - 142
G	System Sequence Diagram	143 - 145
H	Rancangan Perniagaan (Sasaran Pasaran Perunding Kewangan)	146 - 153
I	Rancangan Perniagaan (Unjuran Aliran Tunai – Untuk 5 Tahun)	154 - 159
J	Rancangan Perniagaan (Unjuran Penyata Pendapatan – Untuk 5 Tahun)	160 - 165
K	Rancangan Perniagaan (Lembaran Imbang Duga – Untuk 5 Tahun)	166 - 171

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Setiap insan mengimpikan kehidupan yang baik. Dalam konteks Islam, kehidupan yang baik adalah yang seimbang dengan wujudnya gabungan unsur kerohanian dan kebendaan dalam kegiatan harian seseorang. Justeru, ia memerlukan perancangan menyeluruh untuk mencapai objektif itu. Antara yang perlu difikirkan adalah perancangan kewangan.

Hampir setiap hari banyak akhbar menceritakan tentang masalah menguruskan wang dengan baik. Rasuah, ceti haram atau 'along', skim cepat kaya, kisah jutawan segera yang kembali miskin, kegagalan membayar balik wang pinjaman pendidikan, rumah tergadai akibat gagal membayar hutang, banyak menghabiskan duit untuk perkara-perkara yang negatif, perceraian yang disebabkan kewangan, perebutan harta pusaka, muflis kerana gagal membayar balik hutang kad kredit, kereta yang dimiliki diambil semula oleh institusi kewangan, dan sebagainya. Ini hanyalah sekadar beberapa contoh dan banyak lagi masalah-masalah lain, yang akibatnya merebak pula kepada penyakit-penyakit sosial.

Sedangkan inflasi makin lama semakin dilupakan dan diabaikan, kenaikan harga minyak, harga barangan seolah-olah tidak dapat dibendung, semua ini semakin tidak disedari dan masyarakat menjadi semakin alpa dengan memahirkan diri, menimba ilmu dalam merancang kewangan. Walhal kemahiran ini amat penting dalam menjana ekonomi keluarga dan ummah secara umumnya.

Nilai aset menjadi tidak statik, begitu juga dengan umur dan keupayaan seseorang individu. Sekiranya baik sikap dan tindakan individu terbabit, maka baiklah hasilnya. Walaupun masa yang sama diperuntukan kepada setiap orang iaitu 24 jam sehari, tetapi terdapat berbagai tahap keupayaan kewangan di antara individu. Mereka yang cuai dan mengikut nafsu akhirnya terkandas di waktu-waktu kritikal apatah lagi setelah umur menjangkau ke tahap kurang produktif.

Masyarakat menjadi semakin lupa, dalam persekitaran yang mengejar pencapaian akademik dan kemajuan hidup, aspek ini tidak didedahkan, apatah lagi dididik secara formal, samada di peringkat menengah ataupun di peringkat pengajian tinggi, contohnya hal-hal pencarian rezeki dan pendapatan yang berkat, aspek pelaburan, pentingnya takaful, pengurusan hutang, dan pelbagai aspek yang lain. Kebendaan kini seolah-olah menjadi pengukur utama kemajuan hidup seseorang, bukan lagi akhlak dan jiwa yang tenteram. Ada yang menjadikan wang sebagai Tuhan, wangleh segala-galanya, sehingga menjadikan mereka angkuh dan tamak. Walhal wang yang diuruskan dengan baik dan bijak, boleh membawa kepada 'hayatan tayyibah' atau penghidupan yang baik.

Masyarakat yang merdeka memiliki kebebasan kewangan. Bebas membuat pilihan dan keputusan dengan kemahiran kewangan serta tidak terikat dengan kongkongan hutang, keterbatasan kuasa beli, kelegaan dari liabiliti jangka panjang dan beban psikologi krisis kewangan.

Penekanan penting di sini ialah kesedaran tentang pentingnya tindakan awal, kemahiran mengurus kewangan, disiplin diri yang tinggi serta perancangan yang rapi. Peluang harus diberikan supaya hidup ini merdeka dari krisis kewangan yang dialami hasil dari kegagalan sendiri.

1.2 Latarbelakang Masalah

Secara umum, ramai individu tidak mempunyai sumber pendapatan yang aktif dan terlalu dinamik sekarang dengan keadaan ekonomi yang tidak menentu, lebih ketara lagi apabila berada dalam tempoh persaraan. Kebanyakan mereka cenderung memilih untuk menghabiskan tempoh lazim persaraan dalam keadaan yang tenang dan santai. Sedangkan, kos sarahidup tidak pernah bersara malah semakin hari semakin meningkat terutamanya perbelanjaan perubatan dan pendidikan anak-anak. Dalam masa yang sama, sikap masih leka tentang kepentingan pelaburan dan simpanan sering diabaikan.

Ini adalah kerana peningkatan kos dan kadar inflasi tidak menentu semakin meningkat. Nilai yang berada di dalam pegangan masyarakat juga ikut tidak menentu menurun dengan kenaikan harga barang atau penyusutan kuasa beli wang. Tidak kurang juga pengaruh luaran lain memberi kesan kepada nilai yang sedia ada. Hubungan songsang diantara nilai pegangan dengan kos, kadar inflasi dan lain-lain ini menuntut supaya berbuat sesuatu agar tidak terus rugi atau sekurang-kurangnya dapat mempertahankan nilai wang yang dipegangi sekarang.

Berdasarkan kajian yang dilakukan ke atas beberapa sistem perancangan kewangan, terdapat beberapa masalah utama yang telah dikenalpasti. Antara isu utama yang dikenalpasti ialah ketiadaan sistem yang mampu menggabungkan kesemua aspek perancangan kewangan peribadi dari perspektif Islam. Kebanyakan

perunding kewangan dan institusi syarikat kewangan mempunyai pandangan dan pendapat yang berbeza berhubung dengan masalah ini. Ini kerana ada di kalangan mereka yang sudah mempunyai sistem sendiri dan laman web atau portal masing-masing. Justeru, usaha untuk menggabungkan kesemua sistem perancangan kewangan Islam di bawah satu sistem mungkin menemui jalan buntu. Maka, penyelesaian terbaik harus difikirkan bagi mengatasi masalah itu.

Walaupun di Malaysia sudah terdapat portal-portal yang disediakan oleh bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan dan perundingan untuk kemudahan peribadi, namun tidak semua individu akan menggunakan internet sebagai medium untuk merancang aspek kewangan mereka. Masih ramai yang memerlukan khidmat perunding kewangan samada profesional atau separa profesional dan dari pelbagai bidang yang berlainan seperti urusan-urusan perbankan, pengurusan risiko, perancangan persaraan, perancangan pendidikan dan pelbagai aspek lagi berkaitan kewangan Islam. Dikalangan perunding kewangan pula, masih ada yang menggunakan sistem manual untuk melaksanakan urusan perundingan. Hanya sebilangan kecil sahaja yang menggunakannya sistem berkomputer.

Isu berikutnya ialah ketiadaan satu sistem yang mampu menjana dan menyediakan keputusan dalam bentuk laporan bertulis secara teratur dan mengikut turutan. Ini bagi membolehkan maklumat yang diberi dan keputusan yang diingini oleh pelanggan dapat diperolehi dengan cepat dan tepat. Sebagai contohnya, seorang pelanggan yang mengingini perancangan dari aspek pengurusan risiko atau pelaburan yang mempunyai ciri-ciri yang dikehendakinya tetapi apabila dia memberi segala maklumat yang diberikan, keputusan yang dijana tidak dalam turutan ataupun tiada laporan langsung untuk membantu mereka membuat keputusan. Ini akan menyebabkan pelanggan tersebut akan berasa kecewa dan membatalkan hasrat untuk meneruskan sesi perundingan seterusnya.

Menyedari permasalahan ini, maka pembangun sistem berhasrat untuk membentuk satu kemudahan kepada pengguna bagi memudahkan sesi perundingan

yang menggabungkan kaedah perancangan kewangan dari perspektif Islam yang diberi nama Sistem Perancangan Kewangan Islam atau SPEKIS (bermatlamatkan al-falah) bagi membantu pengguna membuat keputusan untuk pelanggan dalam merancang aspek kewangan peribadi untuk masa depan yang lebih teratur.

1.3 Pernyataan Masalah

Terdapat banyak sistem kewangan yang ada di pasaran yang digunakan oleh wakil-wakil bank dan sesetengahnya dibangunkan khusus untuk kegunaan wakil-wakil sesuatu organisasi atau syarikat kewangan mahupun perunding bebas berlesen. Walaubagaimanapun selain bank, sistem sedia ada lebih menjurus kepada sesuatu perkhidmatan sahaja dan banyak yang bersifat konvensional. Ini menyebabkan jika perunding kewangan tersebut inginkan maklumat atau membuat sesi perundingan terutama dalam perancangan kewangan Islam mereka akan membuatnya secara manual ataupun mencari sumber lain.

1.4 Matlamat Projek

Matlamat sebenar projek ini ialah untuk menghasilkan satu sistem perancangan kewangan Islam yang mampu digunakan oleh perunding kewangan profesional atau separa profesional dalam pelbagai bidang bagi mengumpulkan maklumat-maklumat pelanggan dan membantu mereka dalam merancang dan membuat keputusan yang bersesuaian dengan keadaan dan kedudukan ekonomi mereka dalam aspek kewangan peribadi berkonsep syariah serta meningkatkan jualan produk dan servis yang ditawarkan.

1.5 Objektif Projek

Sebagai satu garis panduan agar sistem ini dapat berfungsi dengan baik serta memenuhi keperluan semua pihak, maka objektif sebenar projek ini telah ditetapkan. Antara objektif projek ini termasuklah:-

- (i) Mengkaji dan mendapatkan maklumat prestasi sistem perancangan kewangan sedia ada dan keperluan pengguna sistem pada pasaran semasa.
- (ii) Membangunkan rekabentuk dan prototaip sistem perancangan kewangan Islam untuk kegunaan perunding kewangan samada profesional atau separa profesional.
- (iii) Menguji dan memperbaiki prototaip bersama-sama pengguna sistem.
- (iv) Menyediakan laporan akhir projek yang akan dibangunkan dengan tersusun berdasarkan konsep muamalah Islam.
- (v) Menyediakan rancangan perniagaan.

1.6 Skop Projek

Di dalam membangunkan sistem, skop projek telah ditentukan bagi memastikan projek yang dihasilkan memenuhi keperluan asal pelanggan. Antara skop projek yang telah dikenalpasti ialah:-

- (i) Melakukan pemerhatian dan kajian berkaitan proses-proses yang terlibat dalam aspek perancangan kewangan.
- (ii) Sistem ini dibangunkan berpandukan sistem perancangan kewangan peribadi secara sistematik dengan kos yang berpatutan.
- (iii) Sistem dibangunkan berlandaskan prinsip-prinsip muamalah Islam.

- (iv) Sistem ini memproses maklumat berasaskan data-data dan laporan-laporan yang dimasukkan pengguna dan menghasilkan keputusan dalam bentuk pernyataan, graf atau statistik.
- (v) Sistem ini akan digunakan oleh perunding kewangan profesional dan separa profesional yang berminat untuk membantu mereka dalam penyimpanan data pelanggan.
- (vi) Sistem yang dibangunkan ini menggunakan Rational Unified Process sebagai metodologi pembangunan sistem serta Unified Modeling Language sebagai alatan persembahan analisa dan rekabentuk.
- (vii) Sistem ini akan sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa dan mengikut kesesuaian persekitaran industri ini.

1.7 Hasil

Hasil merupakan keputusan yang boleh didapati daripada projek yang dibangunkan. Berikut merupakan hasil yang dibuat ke atas sistem:-

- (i) Sistem menepati kehendak pengguna di mana ia berupaya menguruskan aktiviti perancangan kewangan Islam dengan baik.
- (ii) Sistem berupaya mengumpul maklumat-maklumat yang diperlukan daripada pelanggan dan menjana keputusan yang terbaik dan bersesuaian.
- (iii) Sistem ini berupaya menyimpan kesemua maklumat pelanggan dengan tahap keselamatan yang terjamin daripada sebarang pencerobohan yang tidak diingini.
- (iv) Dapat mewujudkan sebuah sistem yang mesra pengguna (user friendly) dan menarik.
- (v) Sistem ini dapat beroperasi pada keupayaan yang minima bagi sesuatu perkakasan dan perisian yang digunakan.

1.8 Kekangan Projek

Beberapa kekangan terhadap sistem telah dikenalpasti iaitu:-

- (i) Sistem ini hanya dapat diimplementasikan dengan menggunakan sistem pengoperasian windows sahaja.
- (ii) Sistem ini masih lagi berada di tahap percubaan memandangkan ia merupakan versi yang pertama dikeluarkan. Justeru versi seterusnya perlu dilakukan dari semasa ke semasa untuk memperbaiki kelemahan yang di dapati dalam sistem.
- (iii) Kerjasama semua pihak yang terlibat dalam sistem amat diperlukan untuk menghasilkan satu sistem yang mantap. Contohnya, pembangun sistem menghadapi masalah dalam mengumpulkan maklumat-maklumat berkenaan dengan urusan perbankan kerana ada sebahagiannya merupakan rahsia syarikat.
- (iv) Tempoh masa pembangunan sistem yang singkat tidak memungkinkan sistem yang dihasilkan benar-benar memenuhi keperluan pelanggan.

1.9 Kepentingan Projek

Sistem ini dibuat memandangkan pada ketika ini kebanyakan urusan perundingan kewangan masih lagi dijalankan secara manual. Bagi menjamin keberkesanan sistem ini terhadap urusan pengguna dan pelanggan, maka persoalan-persoalan yang timbul perlu diberikan pertimbangan yang sewajarnya. Antara persoalan dan isu yang timbul ialah:-

- (i) Adakah sistem ini mampu menggabungkan keseluruhan konsep kewangan terutama yang berkonsepkan syariah?

- (ii) Sejauh manakah sistem ini mampu memberikan keyakinan kepada pelanggan untuk membuat keputusan?
- (iii) Mampukan sistem menjalankan proses menjana keputusan analisis yang lebih efektif dan tersusun berbanding dengan sistem yang sedia ada?
- (iv) Adakah sistem ini mampu membantu perunding kewangan professional dan separa professional meningkatkan jualan dan servis sesuatu produk mereka dengan kos yang berpatutan?
- (v) Adakah sistem yang dibangunkan mampu menyalurkan maklumat perancangan kewangan yang diinginkan oleh pelanggan dan dalam masa yang sama membolehkan pelanggan tersebut memperolehi maklumbalas dalam tempoh masa yang tertentu?

Urusan yang dijalankan ini pastinya menimbulkan pelbagai masalah terutama dari segi masa dan kos. Dengan adanya sistem ini, masalah tersebut dapat diatasi dan faedah yang diperolehi dapat dikongsi bersama oleh pelbagai pihak yang terlibat. Boleh dikatakan bahawa sistem ini menjurus kepada situasi menang-menang (*win-win situation*) yang mana ia membantu meningkatkan lagi servis yang ditawarkan oleh perunding kewangan terbabit.

Ia juga dapat menjimatkan masa sesi perundingan dimana keputusan dapat dijana terus dari sistem berbanding menggunakan alat kewangan yang lain seperti kalkulator pengiraan kewangan yang lain.

1.10 Ringkasan

Bab ini membicarakan pengenalan kepada sesebuah sistem yang akan dibangunkan . Antara lain yang dibincangkan ialah permasalahan yang ada pada sistem yang lama. Masalah tersebut dikenalpasti agar sistem yang dibangunkan kelak menepati keperluan pengguna. Matlamat, objektif, skop, ramalan hasil, kekangan dan kepentingan sistem ini turut dikaji supaya gambaran yang jelas dapat memberikan gambaran yang tepat mengenai sistem yang dibangunkan.

Bagi pengguna sistem iaitu perunding kewangan samada profesional atau separa profesional yang berminat untuk menggunakan sistem, peluang untuk meyakinkan pelanggan dan mendapatkan lebih ramai pelanggan dalam pasaran yang luas sememangnya diharapkan akan lebih menguntungkan apabila SPEKIS ini mla memasuki pasaran. Pelanggan juga mendapat manfaat daripada penghasilan sistem ini iaitu mereka boleh mendapat perkhidmatan yang efektif dan berkesan mengikut spesifikasi perancangan kewangan yang menepati kehendak mereka dalam masa yang singkat dan tepat. Apa yang pasti, sistem ini diharapkan dapat menyelesaikan permasalahan yang berlaku dan menjadi antara sistem yang berjaya pada suatu hari nanti menerusi perkhidmatan perancangan kewangan Islam yang disediakan.

RUJUKAN

Ambler, S.W. (2002) *Process Made Practical Rational Unified Process*.
<http://www.rational.com/worldwide>.

Azah Kamilah Muda, Mohd. Razak Samingan, Norsham Idris, Radziah Mohamad, Suhaizan, Hishamuddin Asmund, NorBahiah Hj. Ahmad, Puteh Saad dan Shahliza Abdul Halim (2002). *Pengaturcaraan Orientasi Objek UML & JAVA*. Malaysia : McGraw-Hill.

Azizi Ali (2002). *The Millionaire In Me* . Malaysia : True Wealth Sdn Bhd.

Azizi Ali (2004). *Lahirnya Seorang jutawan* . Malaysia : True Wealth Sdn Bhd.

Booch, G., Rumbaugh, J. and Jacobson, I.(1999) *The Unified Modelling Language User Guide*. USA :Addison Wesley Longman Inc.

Eriksson, H.E., Penker, M. (1998). *UML Toolkit*. USA : John Wiley & Sons Inc.

Hajah Rohani Datuk Hj Mohd Shahir (2005). *Cukup Wang Hati Tenang* . Malaysia : Al-Ameen Serve Holding Sdn Bhd.

Maria, O. (2002). *Instant Genius!: Internet Research*. Malaysia: Pelanduk Publications Sdn. Bhd.

Matthew, R. (2000). *Instant UML*. Wrox Press Limited.

Milan D. (2005). *Bagaimana Anda Boleh Menjadi jutawan Melalui Pelaburan Hartanah Dan Pasaran Saham* . Malaysia : Achivers Resources Centre Sdn Bhd.

- Pressman, R.S. (2001). *Software Engineering-A Practitioner's Approach: 5th Edition*. Singapore: McGraw-Hill.
- Schinder, G. (1998). *Applying Use Case : A practical Guide*. USA : Addison Wesley Longman Inc.
- Syed Norris Hikmi Syed Abdullah et.al (1999). *Kaedah Analisa dan Rekabentuk Sistem*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Vallee, D. (1999). *Leading Your Business Into The Future With The Internet*. USA: St. Lucie Press, IL.
- Walker R. (2000). *Software Project Management : A Unified Framework*: Addison-Wisley.
- Whitehead, P. and Desamero, J. (2001). *PHP : Your Visual Blueprint For Creating Open Source*. New York: Hungry Minds, Inc.